

# Jangan sabotaj diri sendiri

Membina imej agar penampilan lebih diterima

## personaliti

Oleh MERAN ABU BAKAR  
meran\_abu\_bakar@  
utusari.com.my

**P**ENGETAHUAN mengenai imej dan penampilan adakalanya memberi manfaat terutamanya bagi mereka yang bekerja profesional. Penampilan yang sesuai, betul dan menarik memberikan impak kepada diri sendiri mahupun kepada orang sekeliling.

Penampilan dan imej yang baik memberikan keyakinan kepada seseorang apabila bertemu orang lain atau apabila berada di khalayak ramai. Sebaliknya, penampilan yang tidak sesuai akan membuatkan seseorang itu kurang disenangi atau dianggap pelik dan mungkin kurang digemari untuk didekati.

Ini meliputi daripada soal pakaian, percakapan, pergaulan, bahasa badan, pengetahuan dan sebagainya.

Justeru, jangan ambil remeh mengenai penampilan kerana mampu menceritakan siapa diri anda yang sebenarnya.

Dengan niat ingin berkongsi pengetahuan yang dimiliki dalam aspek penampilan dan imej, **Siti Mizalwa Idris**, 38, menuahkan syarikat perunding imejnya sendiri, WowVirtue Training & Consultancy Sdn. Bhd. sejak tiga tahun lalu.


Lebih membanggakan apabila syarikatnya berdaftar dan diterima sebagai ahli Persatuan Konsultan Imej Antarabangsa.

Melengkapkan ilmu dalam bidang yang diminati, Siti Mizalwa, sanggup mengorbankan masa dan wang ringgit bagi mengikuti pengajian Diploma Style Coach di London Style Coaching Institute, London.

Ini sekali gus menambah senarai kelulusan yang dimiliki kerana sebelum ini dia juga pemegang Diploma Pengajian Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), serta Ijazah Sarjana Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dia juga pernah bekerja dalam bidang pemasaran, perhubungan awam dan pernah

**SITI MIZALWA IDRIS** mahu kongsi kepakaran dalam penjagaan imej.



menyandang jawatan sebagai pegawai khas kepada seorang pengurus sebuah syarikat konglomerat milik kerajaan.

Walaupun berpengalaman luas dalam pekerjaan katanya, dia masih terciari-cari bakat sebenar yang ada di dalam dirinya.

Bukan masuk bakul angkat sendiri, tetapi Siti Mizalwa sedar dia bijak bercakap dan setiap kali keluar, orang akan memberikan komen positif kepadanya daripada soal penampilan dan imej.

Justeru, dia mahu menggunakan kelebihan itu berkongsi kepakaran dalam aspek penampilan dan imej dengan orang lain.

Baginya, ramai orang yang hendak nampak cantik, berpersonaliti dan berkeyakinan tetapi tidak tahu caranya.

“Saya ingin membuat sesuatu yang saya suka dan sesuai dengan jiwa. Saya rasa saya mempunyai pakej yang lengkap daripada segi personaliti, gaya komunikasi dan keyakinan untuk bercakap di khalayak ramai,” katanya semasa ditemui baru-baru ini.

Siti Mizalwa berkata, masalah biasa yang dihadapi oleh ramai orang ialah mensabotaj imej mereka sendiri.

Dia melihat, banyak orang tidak membawa personaliti yang sewajarnya dan tidak setanding dengan kerja, pendidikan, umur dan situasi.

Contohnya, seorang wanita yang masih muda remaja dan berumur dalam 20-an tetapi malas hendak bergaya dan mencantikkan diri membuatkan penampilannya jauh lebih tua daripada usia sebenar.

“Mereka tidak menjaga bentuk badan, memakai pakaian yang tidak sesuai seperti besar longgar, tidak mengenakan solekan dan memakai tudung yang tidak sesuai langsung.

“Saya kasihan melihat wanita yang seperti ini. Usia masih muda dan mereka mempunyai banyak peluang dan cara untuk mencantikkan diri. Mereka boleh memilih pakaian yang sesuai dengan umur, mengenakan sedikit solekan dan boleh bergaya.

“Jangan biarkan usia muda berlalu begitu sahaja. Semasa muda inilah seseorang itu boleh bergaya sesuai dengan usia. Sayang jika membiarkan diri nampak tua sebelum waktunya.

“Di antara faktor yang membuatkan seseorang nampak muda daripada usia, ialah cara dia menggayakan sesuatu seperti tudung. Ada pemakaian tudung yang boleh menampakkan seseorang itu tua dan ada yang membuatkan seseorang itu nampak muda.

“Bergaya dan menjaga penampilan bukan hanya untuk orang muda sahaja. Setiap orang tidak mengira usia berhak nampak menarik dengan imej yang disenangi.

“Bagaimana kita hendak mengharapkan orang lain memberikan perhatian kepada kita jika kita sendiri tidak tampil menarik dan membuatkan orang tertarik untuk

## Berniaga turban

**D**ALAM kesibukan, Siti Mizalwa masih mencari masa untuk berniaga secara sambilan. Turban menjadi pilihan kerana sejak menjadi perunding imej, dia turut mengubah imejnya dengan memakai turban.

Turban yang direka sendiri dan perniagaan yang dibuat bersama rakan kongsinya, Datuk Nurul Hidayah Datuk Seri Ahmad Zahid ini dijual pada harga di antara RM100 hingga RM500.

Katanya, turban ini boleh dipakai kasual maupun formal. Turban kasual lebih ringkas dan dibuat daripada fabrik kapas sementara turban formal lebih cantik kerana dibuat daripada fabrik labuci, baldu dan sutera.

Katanya, bagi orang yang baharu hendak mencuba-cuba memakai turban mungkin boleh memakai yang ringkas dahulu untuk menonton wayang, dan membeli-belah. Apabila telah terbiasa, bolehlah memakai untuk ke majlis pula.

menghampiri kita,” katanya yang juga dikenali dengan panggilan manja, Wawa.

Menurut pengarah urusan dan jurulatih korporat serta konsultan imej bertauliah ini, wanita adalah trofi kepada pasangan dan lelaki pula merupakan trofi kepada keluarga.

Jelasnya, ini bermaksud apabila seseorang lelaki sama ada suami atau seorang bapa itu keluar rumah, dia mencerminkan keluarganya sendiri. Jika dia berpakaian kemas, persepsi positif akan sampai atau dimiliki oleh keluarganya.

Sebaliknya, jika dia tidak menjaga rupa dan penampilan, orang akan terus mengaitkan penampilan itu dengan isterinya yang mungkin dikatakan tidak bijak menjaga suami.

Penampilan diri bukan hanya penting pada wanita tetapi juga kepada lelaki dan harus seimbang.

Mengenai imej wanita yang bekerjaya seperti penjawat awam, kata ibu kepada seorang anak perempuan, Imaan Hanna Mikayla, 8, terdapat kod pakaian yang jelas mengenai golongan ini.

“Pernah seorang penjawat awam bertanya kepada saya pakaian bagaimana yang sesuai dipakai olehnya. Saya menjawab, rujuk pada kod pakaian yang ditetapkan dan berpakaian mengikut etika.

“Bagaimanapun, seseorang itu harus tahu cara pemakaian yang sesuai. Contohnya, baju kurung. Ada wanita yang nampak menarik berbaju kurung

dan ada yang tidak. Mungkin potongan bajunya tidak sesuai dengan badan, tudung yang tidak sesuai dengan baju atau corak dan warna baju yang tidak menarik.

“Bagi wanita yang berbadan besar, kurangkan memakai warna-warna kontra seperti baju yang lain warna dengan warna tudung. Contohnya baju biru dan tudung kuning. Pilih kumpulan warna yang sama, warna sedondon atau warna monokrom.

“Wanita berpinggul besar harus mengelakkan memakai kain yang berwarna

### MENGENAI SITI MIZALWA

Penggemar kemeja T Superman dan setaka ini mempunyai 10 helai baju corak tersebut.

Tidak suka warna merah kerana membuatkan dia nampak gemuk, sebaliknya gemarkan hijau zamrud yang berteknologi.

Tidak suka membuatkan orang tertunggu atau menunggu orang. Sangat hargai masa.

Menyukai gaya klasik, anggun dan tidak berlebihan dalam fesyen.

Akan tampil dengan gaya maskulin pada 2016 kerana nampak segak dan kemas.

terang atau corak yang berlebihan di bahagian pinggul supaya tumpuan orang yang melihat tidak ke arah situ.

“Begini juga daripada soal kasut. Ramai wanita yang lebih selesa berselipar atau memakai sandal untuk ke tempat kerja. Memakai selipar atau sandal ke tempat kerja amat tidak sesuai dan tidak mematuhi kod etika di tempat kerja.

“Pakai kasut bertumit tidak bermakna anda harus memakai tumit lima atau enam inci seperti kasut model. Pakai yang mengikut kesesuaian. Apabila memakai kasut bertumit, gaya jalan akan lebih feminin dan anggun berbanding memakai selipar atau sandal,” ujar wanita yang berasal dari Kuala Lumpur ini.

Dia juga tidak bersetuju dengan seseorang yang terlalu mementingkan kesesuaian sehingga sanggup berkompromi dengan rupa.

Persepsi inilah yang hendak ditukar.

Ujarnya, dalam memamerkan imej dan penampilan menarik, mestilah ada kombinasi selesa dan bergaya.

Untuk tahun 2016 ini, kata Wawa, dia akan memulakan kelas bulanan mengenai imej dan penampilan dan program seminar untuk usahawan. Sesiapa yang ingin mengikuti kursus ini boleh melayari laman sosial, Instagram *wawaaidris\_image patik*.

